



KERATAN AKHBAR ONLINE

Tajuk	:	Empat Pemburu Haram Ditangkap
Tarikh	:	31 Dis 2009
Sumber	:	Utusan (Sabah & Sarawak)
Ruangan	:	News

Empat pemburu haram ditangkap

MIRI 30 Dis. - Sarawak Forestry Corporation (SFC) menahan empat lelaki yang dipercayai menceroboh serta memburu secara haram di Taman Negara Bukit Lambir kelmarin.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perancangan dan Pengurusan Sarawak, Len Talif Salleh berkata, keempat-empat lelaki itu iaitu tiga daripadanya penduduk tempatan dan seorang warga asing diserahkan kepada Polis Daerah Miri untuk tindakan lanjut.

Menurutnya yang juga Pengarah Urusan SFC, pegawai jabatan itu turut merampas sepucuk senjata buatan sendiri jenis 'short gun' dan tiga bilah parang kepunyaan suspek.

"Ini merupakan satu kes pemburuan haram terbesar berjaya kita tumpaskan di Taman Negara Bukit Lambir setakat ini dan ia menunjukkan usaha pemburuan secara haram sedang tertumpu di taman-taman negara yang terdapat di negeri ini," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Taman Negara Bukit Lambir mempunyai keluasan 6,952 hektar dan memiliki 237 spesies burung serta menjadi tempat tinggal pelbagai jenis haiwan termasuk ungka, kera hantu, babi hutan, tupai terbang, rusa, dan harimau dahan.

Dalam pada itu, Len Talif mengingatkan masyarakat agar mempunyai perasaan tanggungjawab dan semangat sukarela dalam melindungi warisan taman negara yang terdapat di negeri ini.

Ujar beliau, usaha untuk memupuk kesedaran itu perlu membabitkan penglibatan semua pihak kerana ia akan membantu SFC membanteras pencerobohan haram.

"Sarawak memerlukan bilangan sukarelawan yang besar dalam membantu menguruskan taman negara di negeri ini dan menjayakan inisiatif anjuran SFC seperti program-program kesedaran dan Renjer Kehormat Hidupan Liar," katanya.